



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERBUATAN SALAH LAKU DAN POLA KOMUNIKASI
KELUARGA MENURUT PERSPEKTIF REMAJA**

ZARIDAH BINTI ABDULLAH @ DOLAH

FBMK 2011 50

**PERBUATAN SALAH LAKU DAN POLA
KOMUNIKASI KELUARGA MENURUT
PERSPEKTIF REMAJA**



DOKTOR FALSAFAH

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

2011

**PERBUATAN SALAH LAKU DAN POLA KOMUNIKASI
KELUARGA MENURUT PERSPEKTIF REMAJA**



Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

Februari 2011

**PERBUATAN SALAH LAKU DAN POLA KOMUNIKASI
KELUARGA MENURUT PERSPEKTIF REMAJA**



Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah



November 2010

DEDIKASI



Dalam kenangan....

Ayahanda dan bonda

*Semoga roh ayahanda dan bonda dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan
orang-orang beriman...amin*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PERBUATAN SALAH LAKU DAN POLA KOMUNIKASI KELUARGA
MENURUT PERSPEKTIF REMAJA**

Oleh

ZARIDAH BINTI ABDULLAH @ DOLAH

Februari 2011

Pengerusi: Prof. Md. Salleh Hj. Hassan, PhD

Fakulti: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Komunikasi keluarga merupakan elemen asas kepada kewujudan dan keharmonian sesebuah keluarga itu. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa terdapatnya perkaitan antara komunikasi keluarga terutamanya komunikasi antara ibu bapa dengan anak dengan perbuatan salah laku dalam kalangan remaja. Hal ini turut dibuktikan dengan statistik yang dikeluarkan oleh pihak polis yang menunjukkan berlakunya peningkatan kes-kes salah laku membabitkan para remaja sejak akhir-akhir ini. Justeru, penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti perkaitan antara pola komunikasi keluarga yang diamalkan oleh keluarga remaja di Daerah Petaling dengan perbuatan salah laku dalam kalangan remaja terbabit.

Objektif penyelidikan ini untuk mengenal pasti tahap orientasi perbualan dan keakuran yang diamalkan oleh keluarga remaja di Daerah Petaling, tipologi keluarga

yang diamalkan oleh keluarga remaja, tahap salah laku remaja, perbezaan tahap salah laku mengikut jantina dan kaum, mengenal pasti perbezaan amalan orientasi perbualan dan keakuran mengikut jantina dan kaum, perbezaan tahap salah laku remaja antara tipologi keluarga, dan mengenal pasti hubungan antara orientasi perbualan dan keakuran, dan ikatan antara ibu bapa dengan anak-anak dengan tahap salah laku remaja.

Penyelidikan ini menggunakan kaedah tinjauan ke atas seramai 628 orang pelajar sekolah menengah yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India di Daerah Petaling yang telah dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan teknik persampelan berkelompok pelbagai peringkat.

Hasil penyelidikan mendapati bahawa majoriti remaja sekolah yang ditemui mengaku mereka pernah terbabit dengan perbuatan salah laku. Sungguhpun begitu, salah laku dalam kalangan mereka masih lagi berada pada tahap kurang serius. Tahap pembabitan dengan perbuatan salah laku dalam kalangan remaja lelaki adalah lebih tinggi daripada remaja perempuan. Selain daripada itu, majoriti keluarga mengamalkan tahap orientasi perbualan dan keakuran yang tinggi. Sementara majoriti tipologi atau jenis keluarga yang dipraktikkan oleh keluarga di Daerah Petaling ialah konsensual.

Penyelidikan ini menunjukkan bahawa tahap pembabitan remaja kaum India tinggi bagi salah laku penyalahgunaan bahan terlarang, harta benda, kegiatan haram, dan

bersuka tanpa izin ibu bapa berbanding dengan remaja kaum Melayu dan Cina. Walau bagaimanapun, tahap salah laku berkaitan kekerasan, pornografi, salah laku seks, melanggar disiplin sekolah, dan lari daripada rumah adalah sama bagi ketigatiga kaum. Penyelidikan ini turut mendapati bahawa tidak wujud perbezaan pola komunikasi keluarga bagi orientasi perbualan dan keakuran yang diamalkan oleh ibu bapa sama ada terhadap anak lelaki maupun anak perempuan.

Sungguhpun begitu, penyelidikan mendapati bahawa terdapat perbezaan pola komunikasi keluarga iaitu bagi dimensi orientasi perbualan dan keakuran yang signifikan yang diamalkan oleh ibu bapa berlainan kaum. Penyelidikan ini turut mendapati bahawa terdapat perbezaan tahap salah laku remaja yang signifikan antara tipologi keluarga, iaitu tahap pembabitan remaja daripada jenis keluarga protektif dengan perbuatan salah laku didapati lebih tinggi, diikuti oleh keluarga *laissez-faire* berbanding dengan jenis keluarga pluralistik dan konsensual. Dapatan menunjukkan bahawa wujudnya perkaitan yang signifikan tetapi negatif antara orientasi perbualan dengan salah laku remaja. Walau bagaimanapun, tidak terdapat korelasi yang signifikan antara orientasi keakuran dengan perbualan salah laku remaja. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa wujudnya pertalian yang signifikan tetapi negatif antara ikatan ibu bapa-anak dengan perbuatan salah laku dalam kalangan remaja.

Oleh yang demikian ibu bapa disarankan supaya mengamalkan persekitaran komunikasi yang terbuka, mesra, positif serta erat dengan anak-anak supaya mereka menjadi seorang yang yakin dengan diri sendiri. Seterusnya dapat membentuk

sahsiah diri anak-anak supaya tidak mudah terpengaruh dengan gejala negatif yang bertentangan dengan norma-norma masyarakat dan ajaran agama.



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**DELINQUENT BEHAVIOR AND FAMILY COMMUNICATION PATTERNS
FROM THE ADOLESCENTS' PERSPECTIVES**

by

ZARIDAH BINTI ABDULLAH @ DOLAH

February 2011

Chairman: Prof. Md. Salleh Hj. Hassan, PhD

Faculty: Faculty of Modern Languages and Communication

Family communication is the foundation to a family's existence and this communication binds family members together through good and bad times. Past studies have indicated that there is an association between family communication, specifically communication between parents and children, and delinquent behavior among adolescents. The finding is further supported by police statistics which indicate that crimes involving juveniles in this country are on the rise. Therefore, this study is conducted to identify relationships between family communication patterns and delinquent behavior among adolescents in the Petaling District.

The objectives of the study are to identify level of conversation and conformity orientation practiced by families, to identify the family typology that the adolescents' families practice, to identify the level of delinquent behavior among adolescents, the differences between gender and adolescents' delinquent behavior,

the differences between ethnicity and adolescents' delinquent behavior, to identify the differences in conversation and conformity orientation between gender and ethnicity, and the differences between level of delinquent behavior between family typologies. This research also identifies the relationships between conversation orientation and conformity orientation, and level of delinquent behavior among adolescents, and the association between parents-children attachment and the level of delinquent behavior among adolescents.

A total of 628 secondary school pupils in the Petaling District comprising the major ethnic groups (Malay, Chinese, and Indian) have been selected for this study through multistage cluster sampling technique.

Analysis of the data has indicated that the level of delinquency among adolescents in the Petaling District is not serious. The study also shows that more boys were involved in delinquent activities compared to girls. In addition, a majority of parents practice high conversation and conformity orientation towards their children and in terms of family typology, a majority of the respondents said that their families fall under the category of a consensual family. The most serious delinquent behaviors that the adolescents were involved in were entertaining themselves at discos, loafing at cyber-cafes, and video-game arcades without their parents' consent.

This study shows that the Indian adolescents' involvement are higher in substance abuse, property violation, illegal activities, and entertainng themselves without their parents' consent compared to Malays and Chinese adolescents. However, there is no difference indicated between ethnic groups for aggression, pornographic, sexual

misconduct, school indiscipline, and runaway from home. The study also did not show any significant difference in family communication patterns either conversation orientation or conformity orientation practiced by parents towards their daughters and sons.

On family communication patterns practised by ethnic groups, the study shows a significant difference in both conversation orientation and conformity orientation. The study also indicates that the involvement of adolescents from protective families in delinquent activities is higher than other types of family, followed by laissez-faire families. The study also demonstrates a significant negative association between conversation orientation and adolescents' delinquent behaviours. However there is no evidence to support the correlation between conformity orientation and delinquent behaviours among adolescents. The study reveals that parents-children attachment has a significant but negative correlation with adolescents' delinquent behaviours.

Therefore, parents are advised to practice a more open and positive communication style, and have close relationships with their teenage children to create a positive environment. Parents should converse more with their children so that they know their parents care and love them. A healthy family environment can help nurture confidence in children which may deter them from being involved in negative behaviors.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu penyelidik memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT yang telah mengurniakan rahmat untuk penyelidik siapkan tesis ini.

Di samping itu, penyelidik ingin mengambil kesempatan ini merakamkan jutaan terima kasih kepada Pengurus Jawatankuasa Penyeliaan Prof. Dr. Md. Salleh Hj. Hassan yang telah mencetuskan idea bagi kajian ini berdasarkan kepada situasi semasa yang melibatkan golongan remaja di negara ini. Berkat kesabaran dan bimbingan tanpa jemu beliau serta tiga orang lagi ahli jawatan kuasa, Prof. Madya Dr. Siti Zobidah Omar, Prof. Dr. Musa Abu Hassan, dan Prof. Madya Dr. Narimah Ismail yang banyak meluangkan masa memberi cadangan dan teguran telah menyumbang kepada kejayaan penyelidik menyiapkan tesis ini walaupun terpaksa menempuh pelbagai halangan. Penyelidik juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Jusang Bolong kerana sudi meluangkan masa menyemak analisis yang telah dilakukan oleh penyelidik.

Penyelidik turut menghargai pihak Universiti Putra Malaysia terutamanya para pensyarah di Jabatan Komunikasi, FBMK dan Fakulti Pengajian Pendidikan yang telah banyak memberi tunjuk ajar sepanjang penyelidik mengikuti pengajian di sini.

Penyelidik juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Pejabat Pelajaran Negeri Selangor,

pengetua-pengetua sekolah, guru-guru, dan pelajar-pelajar sekolah yang telah bekerjasama menjayakan kajian ini.

Penghargaan ini juga berhak diterima oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam yang menganugerahkan biasiswa kepada penyelidik melanjutkan pelajaran pada peringkat PhD ini. Tidak dilupakan kepada dekan-dekan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) dari tahun 2003 hingga tahun 2010 (Prof. Dr. Azizul Halim Yahya, Prof. Madya Dr. Ilias Salleh, dan Prof. Madya Dr. Mohd. Adnan Hashim) yang banyak memberi sokongan. Penyelidik turut menghargai sokongan rakan-rakan di FKPM seperti Prof. Madya Abdullah @ Kassim Mohammed (Pak Lah) yang sentiasa memberi semangat dan mengambil berat pengajian penyelidik seperti ayah sendiri, serta allahyarham Hj. Shafiee Ahmad (Timbalan Dekan) yang kerap bertanyakan khabar pengajian penyelidik. Tidak terkecuali rakan-rakan daripada Program Antarapersonal terutamanya Massila Hamzah sebagai ketua program, Shahnil Asmar Saaid, Zaiha, Mohammad, dan lain-lain.

Penyelidik juga tidak dapat melupakan jasa sahabat seperti Faizah Din yang sanggup mengharungi suka dan duka bersama sepanjang pengajian ini dengan menjadi editor dan pengkritik terhadap kerja kursus dan tesis penyelidik, memberi semangat ketika penyelidik dilanda kesedihan di atas kembalinya kerahmatullah bapa, di samping menjadi pendesak agar penyelidik menyiapkan penulisan tesis dengan segera. Turut tidak dilupakan rakan-rakan seperjuangan yang turut memainkan peranan sehingga penyelidik berjaya menamatkan pengajian ini seperti Dr. Mariah Muda, Sheikh

Alwee, Lazi, Roziyatton, Dr. Chang Peng Kee, Aziyah, Muiz, dan Raihana. Penyelidik juga terhutang budi dengan Prof. Madya Dr. Halimahton Shaari dan Dr. Shahril Nizam yang sudi menjadi editor kepada tesis ini.

Kepada allahyarhamah bonda Hajah Munah Hassan yang telah terlebih dahulu pergi mengadap Ilahi, semasa anakanda mengikuti pengajian peringkat sarjana (1996), juga kepada allahyarham ayahanda Haji Abdullah Salman yang kembali kerahmatullah semasa anakanda masih lagi bergelumang dengan buku-buku (2007), kasih sayang ayahanda bonda akan sentiasa lekat di hati anakanda. Sesungguhnya anakanda amat bersyukur kerana dikurniakan ayahanda dan bonda yang berpandangan jauh serta sentiasa mahukan anak-anak berjaya dalam pelajaran. Kini hasrat ayahanda dan bonda telahpun anakanda capai walaupun tidak sempat diraikan bersama-sama ayahanda dan bonda. Anakanda sentiasa berdoa agar roh ayahanda dan bonda sentiasa dirahmati oleh Allah SWT dan aman di Jannah. Penghargaan ini turut ditujukan kepada kesemua ahli keluarga, Kak Nab dan suami, Abang Salleh, Kak Leha dan suami, allahyarham Abang Hamdan, Abang Din dan isteri, Kak Ana, Kak Ton dan suami, Zailani dan isteri, dan anak-anak saudara yang sentiasa mengambil berat dan memberi semangat.

Akhir sekali, penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung maupun tidak langsung menjayakan kajian dan penulisan tesis ini.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjuma pada 28 Februari 2011 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Zaridah binti Abdullah @ Dolah untuk menilai tesis beliau yang bertajuk "Perbuatan Salah Laku dan Pola Komunikasi Keluarga Menurut Perspektif Remaja" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

ABDUL MUA'TI @ ZAMRI AHMAD, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

EZHAR TAMAM, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

HAMISAH HASAN, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

SAMSUDDIN A. RAHIM, PhD

Profesor

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

(Pemeriksa Luar)

NORITAH OMAR, PhD

Profesor Madya dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 27 Jun 2011

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat-syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Md. Salleh Hj. Hassan, PhD

Profesor

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Siti Zobidah Omar, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Musa Abu Hassan, PhD

Profesor

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Narimah Ismail, PhD

Profesor Madya

Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan
Universiti Malaysia Perlis
(Ahli)

HASANAH MOHD GHAZALI, PhD


Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kajian saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberikan penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah atau akan dimajukan untuk lain-lain ijazah di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.



ZARIDAH BINTI ABDULLAH @ DOLAH

Tarikh: 28 Februari 2011

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	vii
PENGHARGAAN	x
PENGESAHAN	xiii
PERAKUAN	xv
SENARAI JADUAL	xix
SENARAI RAJAH	xxi
SENARAI SINGKATAN	xxii

BAB

1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	1
1.3 Pernyataan masalah	8
1.4 Persoalan kajian	12
1.5 Objektif kajian	12
1.6 Kepentingan kajian	13
1.7 Skop kajian	17
1.8 Limitasi kajian	19
1.9 Kesimpulan	21
2 SOROTAN LITERATUR	22
2.1 Pengenalan	22
2.2 Komunikasi dalam keluarga	22
2.3 Remaja	24
2.4 Keluarga	27
2.5 Salah laku remaja	32
2.6 Kaum di Malaysia	36
2.6.1 Masyarakat Melayu	37
2.6.2 Masyarakat Cina	38
2.6.3 Masyarakat India	40
2.7 Teori pola komunikasi keluarga	41
2.7.1 Orientasi perbualan	44
2.7.2 Orientasi keakuratan	45
2.8 Teori kawalan sosial dan ikatan ibu bapa dengan anak	50
2.9 Peranan dan tanggungjawab ibu bapa kepada anak-anak	54
2.10 Komunikasi ibu bapa dengan anak-anak dan salah laku dalam kalangan remaja	57
2.11 Komunikasi keluarga, jantina, dan salah laku remaja	63
2.12 Komunikasi keluarga, kaum, dan salah laku remaja	68
2.13 Komunikasi keluarga, ikatan ibu bapa dengan remaja (parents-adolescent attachment), dan salah laku remaja	72

2.14	Rangka konsep kajian	77
2.15	Hipotesis Kajian	78
2.16	Kesimpulan	80
3	KAEDAH KAJIAN	
3.1	Pengenalan	81
3.2	Reka bentuk kajian	81
3.3	Lokasi dan subjek kajian	83
3.4	Teknik persampelan	86
3.5	Pemboleh ubah	90
	3.5.1 Pemboleh ubah bersandar	90
	3.5.2 Pemboleh ubah tidak bersandar	91
3.6	Kaedah pengukuran	91
	3.6.1 Skala pengukuran bagi pemboleh ubah bersandar	91
	3.6.2 Skala pengukuran bagi pemboleh ubah tidak bersandar	96
	3.6.3 Skala pengukuran bagi pemboleh ubah demografi	101
3.7	Borang soal selidik	101
3.8	Pra-ujian	102
3.9	Pengumpulan data kajian	107
3.10	Analisis kajian	108
3.11	Kesimpulan	110
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	111
4.2	Hasil kajian	111
	4.2.1 Demografi responden	111
	4.2.2 Analisis deskriptif orientasi perbualan dan orientasi keakuruan	115
	4.2.3 Analisis deskriptif ikatan ibu bapa dengan anak	120
	4.2.4 Analisis deskriptif perbuatan salah laku dalam kalangan remaja	122
	4.2.5 Tahap orientasi perbualan dan keakuruan keluarga remaja	127
	4.2.6 Tipologi keluarga remaja	129
	4.2.7 Tahap salah laku remaja	132
	4.2.8 Tahap salah laku remaja mengikut kategori salah laku dan jantina	134
	4.2.9 Tahap salah laku remaja mengikut kategori salah laku dan kaum	137
	4.2.10 Tahap salah laku antara remaja lelaki dan perempuan	142
	4.2.11 Tahap salah laku remaja mengikut kaum	143
	4.2.12 Perbezaan orientasi perbualan dan orientasi keakuruan berdasarkan pola komunikasi keluarga menurut jantina	145
	4.2.13 Perbezaan orientasi perbualan dan orientasi keakuruan menurut pola komunikasi keluarga berdasarkan kaum	146
	4.2.14 Perbezaan tahap salah laku antara tipologi keluarga	150

4.2.15	Hubungan antara orientasi perbualan dan keakuruan dengan tahap salah laku remaja	153
4.2.16	Hubungan antara ikatan ibu bapa-anak dengan tahap salah laku remaja	157
4.2.17	Kesimpulan	160
5	RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN	162
5.1	Pengenalan	162
5.2	Ringkasan kajian	162
5.3	Kesimpulan kajian	169
5.4	Implikasi kajian	174
5.4.1	Implikasi ke atas teori	174
5.4.2	Implikasi ke atas instrumen pola komunikasi keluarga	178
5.4.3	Implikasi ke atas ibu bapa dan masyarakat	179
5.4.4	Implikasi ke atas polisi kerajaan	180
5.5	Cadangan kajian pada masa hadapan	183
5.5.1	Pemboleh ubah	183
5.5.2	Metodologi penyelidikan	184
5.5.3	Perspektif pola komunikasi keluarga	185
RUJUKAN	186	
LAMPIRAN	202	
BIODATA PELAJAR	216	

